

Women In Immoral Issues And Methods of Building Prosperous Life

Wanita Dalam Gejala Tidak Bermoral Dan Kaedah Membina Kesejahteraan Hidup

Abdul Munir Ismail*, Abd Rahman Abd Ghani, Mohd Noor Daud

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: abdmunir@fsk.upsi.edu.my

Article history: Received: 3 May 2018 Received in revised form: 24 July 2018 Accepted: 20 August 2018 Published online: 28 November 2018

Abstract

This research is discusses about the involvement of a handful of women immoral activities such as beggars, homeless, drug addicts, sex workers, pregnant before marriage in Kuala Lumpur City. This situation affects the image of the capital in the eyes of tourists, problems urban sanitary issues and publicly exposed to infectious diseases. Increased crime, security issues, urban hygiene and social health are rising due to various factors. The objective of the study is to identify women being involved in illegal activities and the methods of building a good rules in lives. This method is uses library research and field study. Field studies include interviews and observations. Focus location of study is Kuala Lumpur City as "hotspots area" the public area. Three women respondents was selected in this study. This findings is that normally involved women immoral activities come from unhappy family backgrounds, low levels of education and engagement in jobs of lucrative income. Another problem is not enough finance for respondents, homeless survivors, family conflict and understanding about Islam is very low. The proposal to rebuild the new life of the women involved in the immoral activities returned to the community is to approach them with wisdom, providing temporary shelter, learn basic Islamic teachings, helping financial resources such zakat and to give skill training which suits their ability.

Keywords: Social problems; immoral activities; women; causes; guidance; prosperity.

Abstrak

Kajian membincangkan penglibatan segelintir wanita dalam aktiviti tidak bermoral seperti pengemis, gelandangan, penagih dadah, pekerja seks, hamil luar nikah di Bandaraya Kuala Lumpur. Situasi ini menjelaskan imej ibukota di mata pelancong, mencorotkan isu-isu kebersihan bandar dan masyarakat awam terdedah kepada penyakit berjangkit. Peningkatan jenayah, isu keamanan, kebersihan bandar dan kesihatan sosial semakin meningkat disebabkan oleh pelbagai faktor. Objektif kajian ialah mengenalpasti punca wanita kini terlibat aktiviti tidak bermoral yang menyatahi undang-undang dan kaedah membina panduan hidup wanita sejahtera. Metodologi penelitian menggunakan kaedah kajian lapangan mencakupi temubual dan pemerhatian berkala. Lokasi kajian tertumpu di kawasan Pusat Bandaraya dikenali sebagai 'hotspot' iaitu kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan orang awam. Seramai tiga orang responden dipilih dalam kajian ini. Hasil daripada kajian mendapati wanita yang terlibat dalam aktiviti tidak bermoral adalah berpunca daripada latar belakang keluarga yang tidak sejahtera, tahap pendidikan yang rendah dan penglibatan dalam pekerjaan yang menjanjikan pendapatan yang lumayan. Masalah lain turun menyumbang ialah masalah sumber kewangan yang tidak mencukupi, masalah tiada tempat tinggal, konflik keluarga dan kefahaman agama Islam sangat rendah. Cadangan membina semula hidup baharu wanita terlibat aktiviti tidak bermoral tersebut kembali ke pangkuhan masyarakat ialah mendekati mereka dengan hikmah, menyediakan tempat tinggal sementara, membawa mereka mendalami pengajian asas agama Islam, membantu melalui sumber kewangan seperti zakat dan memberi latihan kemahiran yang sesuai dengan keupayaan mereka.

Kata kunci: Masalah sosial; aktiviti tidak bermoral; wanita; punca; bina panduan; sejahtera.

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENGENALAN

Perbincangan tentang penglibatan segelintir wanita dalam gejala tidak bermoral seperti pengemis, gelandangan, penagih dadah, pekerja seks, wanita hamil luar nikah di umumnya di Malaysia bukanlah perkara baharu. Tetapi ianya sudah berterusan hingga kini seolah-olah tiada titik noktah. Ini kerana penglibatan kaum wanita dalam aktiviti tersebut khususnya di bandaraya di Malaysia menjelaskan imej ibukota di mata pelancong, mencorotkan isu-isu kebersihan bandar dan masyarakat awam terdedah kepada penyakit berjangkit. Peningkatan jenayah, isu keamanan, kebersihan bandar dan kesihatan sosial semakin meningkat disebabkan oleh pelbagai faktor. Kerajaan Malaysia melalui agensi terbabit telah berusaha bagi melindungi masyarakat terutama kaum wanita dalam pelbagai aspek supaya mereka

tidak dianggap sebagai golongan yang dipinggirkan dengan adil dan saksama. Usaha menangani aktiviti wanita tidak bermoral telah dilakukan oleh banyak agensi kerajaan melalui pelbagai kaedah, namun dilihat masih berterusan. Berdasarkan kajian Muhammad Wafi Ramli (2017), kaum wanita terpinggir di Kuala Lumpur direkodkan sebanyak 318 tahun 2013, diikuti tahun 2015 mencatatkan sebanyak 524 orang. Dari nisbah negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah yang tertinggi jika berbanding negeri-negeri lain. Kajian ini difokuskan kepada wanita yang terlibat dalam aktiviti tidak bermoral kerana hak-hak mereka sebagai wanita tidak mendapat pembelaan sewajarnya dan perlu diberi perhatian.

■2.0 KAJIAN LITERATUR

Bandaraya Kuala Lumpur merupakan lokasi menarik di Malaysia dan sebagai pusat membeli belah di samping sebagai destinasi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara. Utusan Malaysia bertarikh 1 Mac 2018 melaporkan kejatuhan nilai mata wang ringgit Malaysia menjadikan salah satu faktor para pelancong asing melancong ke Kuala Lumpur. Di samping itu promosi tahun melawat Malaysia khususnya ibu kota dibuat dari sesama ke semasa agensi terbabit bagi menarik pelancong asing sebanyak mungkin. Pusat Bandaraya Kuala Lumpur juga sebagai lokasi tumpuan penduduk luar bandar dari seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak berhijrah ke Ibu kota kerana mendapat peluang pekerjaan, berniaga, perpindahan keluarga dan sebagainya (Jabatan Perdana Menteri, 2013). Hal ini menjadikan pusat Bandaraya sebagai kota metropolitan. Masalah sosioekonomi, kepadatan penduduk, peluang pekerjaan dan sebagainya tidak dapat dielakkan.

Menurut Azlina Abdullah (2010), peningkatan jenayah serta masalah sosial popular semakin meningkat seperti kecurian, masalah rumah tangga, perceraian, dadah, sumbang mahram, pelacuran, gelandangan, pengemis dan sebagainya disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk status sosioekonomi yang relatif rendah selain ketidakupayaan masyarakat kota memenuhi tuntutan kos sara hidup yang tinggi dan kerjaya yang baik. Rantaian masalah sosial yang melibatkan aktiviti wanita tidak bermoral di bandar besar menyebabkan isu keamanan dan keselamatan warga kota dibincangkan oleh banyak pihak.

Sementara itu, merujuk kenyataan media bertarikh 4 Julai 2014 oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan, Tengku Adnan Bin Tengku Mansor menyatakan Kerajaan serius menangani masalah pengemis, gelandangan, penagih dadah, pekerja seks, wanita hamil nikah khususnya di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar yang lain. Ini kerana komuniti tersebut saling berkait rapat di antara satu dengan lain dan mereka dikenali dalam masyarakat sebagai komuniti terpinggir. Wujudnya kumpulan tersebut telah menyebabkan Bandaraya Kuala Lumpur dilanda masalah sosial, keselamatan, menjelaskan imej Kuala Lumpur di mata pelancong, kebersihan kawasan bandar dan masyarakat awam terdedah kepada penyakit berjangkit. Menurut Sharifah Mariam Alhabshi, (2012), antara lokasi komuniti terpinggir dapat dilihat terutama pada waktu malam ialah Mydin Kotaraya, Masjid Negara, Central Market, Menara Maybank, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India, Jalan Tiong Nam (Chow Kit), Bulatan Sultan Mohamad dan Dataran Merdeka. Antara faktor yang menyumbang wujud komuniti terpinggir di lokasi 'hot spot' ialah tiada pekerjaan, miskin, masalah kesihatan mental yang tidak terurus, penyakit melarat, ketidakupayaan mengurus diri, tiada tempat tinggal, penagihan dadah/arak, wanita bekas banduan dan warga emas yang tiada tempat tinggal. Jumlah masyarakat terpinggir di Kuala Lumpur tidak dapat dipastikan angka yang sebenar kerana kehadiran mereka berubah-rubah dari semasa ke semasa. Namun, dianggarkan jumlah mereka agak membimbangkan iaitu mencecah 2,500 orang dan ada lebih 500 gelandangan tegar sukar untuk dipulihkan. Majoriti kumpulan terpinggir adalah hampir 80 peratus adalah bangsa Melayu beragama Islam (Rafiza Mohamed, 2013).

Jika dirujuk kepada pernyataan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berkaitan gelandangan di Malaysia, kerajaan amat prihatin dan memandang serius akan golongan pengemis, orang-orang papa, kutu rayau dan golongan gelandangan. Pada tahun 2013, sebanyak 2,039 operasi telah dijalankan di seluruh Malaysia dan seramai 1,048 orang pengemis diselamatkan. Daripada jumlah tersebut, 194 orang adalah pengemis warganegara asing. Hingga Mac 2014, sebanyak 404 operasi menyelamat orang papa telah dijalankan di seluruh negara dan seramai 296 yang telah diselamatkan. (Rujukan: Soalan lisan Dewan Rakyat, No. 92, bertarikh 19 Jun 2014). Kenyataan ini menunjukkan isu wargakota yang mencemarkan bandaraya dipandang serius oleh pihak kerajaan.

Menurut Mashrom Muda, (2015) masalah wanita yang dijangkiti HIV/AIDS cenderung untuk melalui pengalaman yang lebih teruk berbanding dengan lelaki kerana wanita mempunyai sedikit atau tiada langsung kuasa untuk membuat keputusan, terutamanya memilih pasangan hidup dan mendapatkan rawatan yang sempurna. Pesakit wanita dilihat tidak mempunyai peluang sosial yang sejahtera seperti pekerjaan yang baik, pendidikan tinggi, pendapatan dan kekayaan. Ada juga pasangan hidup wanita banyak ditentukan oleh ahli keluarga lelaki dan ini menyebabkan ada wanita yang terpaksa berkahwin dengan lelaki yang bermoral rendah seperti penagih dadah, lelaki yang pernah melanggani pelacur serta suka bertukar-tukar pasangan seks, pengamal biseksual dan homoseksual. Situasi ini menjadikan wanita dipinggirkan dalam hidup mereka.

Pihak Kerajaan telah berusaha membantu wanita terlibat dalam aktiviti tidak bermoral melalui pelbagai cara yang disifatkan sebagai "program sementara" sahaja. Antaranya Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menu buhkan Anjung Singgah di Kuala Lumpur sebagai pusat transit sementara kepada golongan gelandangan mendapatkan kemudahan rawatan, makan minum, pengisian kerohanian keagamaan Islam, motivasi dan kerjaya. Menurut Eikmar Rizal dalam Utusan Malaysia, Ruangan Rencana bertarikh 9 Julai 2014 menjelaskan fungsi Anjung Singgah ialah menyediakan saringan kesihatan, perkhidmatan kaunseling dan motivasi serta pencarian pekerjaan. Walaupun tindakan telah dilakukan oleh pihak Berkusa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agenzia Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan PDRM serta NGO yang berkaitan dari semasa ke semasa, namun masalah pengemis, gelandangan, penagih dadah, pekerja seks, komuniti wanita terpinggir dilihat masih lagi wujud di Kuala Lumpur hingga kini. Persoalannya, kenapa isu wanita tidak bermoral masih lagi wujud dan tiada tanda berakhiri aktiviti mereka. Satu kajian secara mendalam perlu dilakukan bagi mengetahui punca, permasalahan, kaedah menangani jangka panjang dan menghasilkan suatu protokol panduan hidup wanita sejahtera. Objektif pertama kajian ini ialah untuk mengenalpasti masalah dan punca wujudnya wanita terlibat aktiviti tidak bermoral dari aspek sosial. Objektif kedua ialah memberi suatu cadangan kaedah protokol supaya wanita tersebut dapat menjalani kehidupan baharu dan sejahtera.


■3.0 KERANGKA TEORI

Menurut Siti Hajar (2009), manusia itu perlu kepada proses perkembangan yang sihat bagi melahirkan keluarga dan ahli masyarakat yang sihat sejahtera. Terdapat empat domain ekologi keluarga yang berperanan penting dalam mempengaruhi tingkahlaku sosial seseorang. Pertama, keadaan ekonomi keluarga, kedua, struktur keluarga yang harmoni. Ketiga, keadaan kriminogenik dalam keluarga seperti kejadian jenayah dalam keluarga, tingkahlaku antisosial keluarga) dan akhir ialah gaya keibubapaan yang terdapat dalam keluarga.

Pada dasarnya manusia yang hidup sejahtera dalam sesuatu kelompok masyarakat, mereka itu saling memerlukan diantara satu dengan lain kerana manusia tidak boleh hidup secara bersendirian. Hal ini selaras dengan konsep aliran ekologi kehidupan masyarakat bersosial yang diperkenalkan oleh Talcott Parsons menerusi paradigm Adaptation-Goal attainment-Integration Latency. (Parsons, 1951). Parsons mengatakan sebuah masyarakat yang sejahtera adalah lahir dari suatu sistem keluarga yang bahagia, pengamalan agama yang membentuk keluarga bersatu, sistem politik yang stabil dan kedudukan ekonomi keluarga yang baik. Peranan ahli keluarga mempunyai fungsi yang tersendiri bagi melahirkan kelompok masyarakat yang bersatu hati. Noralina Omar, (2016) menjelaskan bagi membentuk kestabilan sesama masyarakat, maka diperlukan satu masyarakat yang saling bertegur sapa, mengekalkan amalan dan kerukunan beragama, konsep tolong menolong dan bantu membantu agar kesimbangan sosial dapat dicapai secara berterusan.

Teori ini juga selaras dengan pandangan Bubolz. Manusia yang merupakan suatu kumpulan orang yang saling berinteraksi dengan orang lain amat diperlukan dan mereka berhubung melalui dengan orang lain melalui pelbagai mekanisma. Seorang pengusaha kilang pakaian memerlukan orang lain untuk membeli barang pakaiannya. Demikian juga pemilik kilang pakaian itu memerlukan orang lain sebagai pekerja. Komponen ini saling berhubung bagi mewujudkan satu ekosistem kehidupan normal. (Bubolz & Sontag, 1993). Perlu diketahui bahawa setiap satu komponen pembinaan masyarakat hendaklah memiliki interaksi yang harmoni. Jika tidak harmonis, masyarakat sejahtera sukar diwujudkan. Sebagai contoh, sebuah institusi pendidikan yang lengkap dengan prasarana asas dibangunkan untuk mendidik anak menuntut ilmu pengetahuan secara formal. Pihak sekolah, anak-anak dan ibu bapa hendaklah saling menjaga hubungan yang harmoni bagi sama-sama mencapai matlamat. Demikian juga dengan lain-lain institusi yang berkait rapat dengan kehidupan manusia seperti ekonomi, keselamatan, perniagaan, kesihatan dan sebagainya.

Berikut dinyatakan teori seperti rajah 1 di bawah : Rajah 1 Dipetik daripada Bubolz dan Sontag (1993) Menurut Collins, mereka hendaklah mempunyai hubungan persekitaran yang baik antara satu dengan lain. Bapa hendaklah berperilaku sahiasah yang menarik supaya tingkahlaku itu sebagai ikutan anak-anaknya. Jika ibu dan bapa mempamirkan tingkahlaku yang kurang sopan, ia memberi kesan negatif terhadap pembentukan diri dan persekitaran anak-anak serta sesama rakan sebaya mereka. Berikut dinyatakan teori seperti Rajah 1 di bawah. Rajah 1 Dipetik daripada Bubolz dan Sontag (1993) Menurut Collins, mereka yang berhubung antara satu dengan lain.



Rajah 1 Pembinaan Keluarga Sejahtera dan Hubungannya dengan Persekitaran
Sumber : Bubolz dan Sontag (1993), hal. 68–69.

Menurut Collins, mereka yang berhubung antara keluarga dan persekitaran juga boleh digambarkan dengan keadaan berikut. Tingkahlaku jenayah ahli keluarga; bapa misalnya, memberi kesan kepada individu lain yang berada di persekitaran keluarga (Collins et al., 2007). Namun begitu, persekitaran juga memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan masalah dalam keluarga. Contohnya, tekanan ekonomi membuatkan keluarga menjadi miskin (Collins et al., 2007). Untuk mengekalkan kestabilan sesebuah masyarakat, setiap ahli mesti menjalankan fungsinya dengan baik. Setiap komponen dalam masyarakat mempunyai sumbangan yang tersendiri untuk mencapai kestabilan tersebut. Setiap komponen dalam masyarakat juga perlu saling bergantungan antara satu sama lain untuk mencapai kestabilan. Ringkasnya, ekologi merujuk kepada tempat yang mana individu-individu di dalamnya saling berinteraksi dan bergantungan antara satu dengan lain.

■4.0 METODOLOGI

Bagi mendapatkan maklumat, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini dipilih kerana sangat sesuai bagi mendapat maklumat secara khusus daripada responden (Marshall, Rossman, 1999 dan Othman Lebar, 2017). Kajian ini melibatkan temu bual secara mendalam bersama tiga orang responden terpilih terdiri daripada responden yang terlibat dalam gejala tidak bermoral lebih daripada lima tahun. Responden juga memiliki pengalaman sebagai wanita terlibat dalam aktiviti tidak bermoral dan mereka dilihat layak sebagai subjek kajian ini. Dalam kajian ini nama responden dirahsiakan dan ditulis nama samaran bagi menjaga rahsia dan maruah responden. Atas dasar itu, responden bersedia untuk berkongsi pengalaman hidup bersama penyelidik. Kaedah temubual bersama responden mengambil masa lebih dari satu jam dan dilakukan sebanyak dua siri pertemuan pada hari yang berlainan. Temubual dilakukan berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan. Kaedah merakam perbualan tidak disenangi oleh responden. Oleh itu maklumat yang disampaikan dicatatkan dalam buku kecil. Waktu temubual dan tempat dilakukan berdasarkan persetujuan responden bertujuan agar proses temubual tidak mengganggu urusan harian responden.

■5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan temubual pengkaji bersama Responden Pertama (R1) dikenali sebagai Kak Yan berumur 46 tahun (bukan nama sebenar) berasal dari sebuah penempatan Felda di Selatan tanah air mengakui beliau terlibat dalam aktiviti mengemis sejak lapan tahun yang lalu setelah diceraikan suaminya dengan talak tiga. Apabila ditanya tentang sejarah liku-liku hidup yang dilalui oleh R1, beliau menceritakan sebagai berikut;

Ketika itu akak sangat berasa kecewa dengan sikap suami akak yang akak panggil bang Man. Bang Man seorang yang jenis panas baran. Bang Man selalu pukul akak sekiranya akak lambat memenuhi permintaannya. Pernah beberapa kali akak pengsan kerana dipukul dengan teruk oleh bang Man. Sejak dari itu, akak sering minta diceraikan kerana tidak tahan lagi dengan sikapnya yang panas baran. Lima bulan kemudian, akak diceraikan dengan talak tiga sekali gus. Akak rela berpisah dengan bang Man dan sejak itu akak tiada sumber pendapatan. Akak hendak membeli makanan tetapi tidak ada duit. Pernah hampir tiga hari akak tidak menjamah nasi, hanya minum air paip sahaja. Akak cuba mendapatkan makanan dari seorang lelaki di sebuah masjid di Kuala Lumpur tetapi lelaki tersebut menghalau akak dengan suara yang keras. Akak rasa sangat takut dan berusaha mencari duit bagi membeli makanan. Akak terpandang seorang perempuan India mengemis. Mulai dari hari itu akak mengemis dan mendapat duit dengan mudah. Dengan mendapat duit mengemis, akak dapat membeli makanan dan sedikit pakaian. Biasanya orang Malaysia mudah bersimpati dengan akak dengan memberi sedikit duit syiling sepuluh sen hingga ada yang memberi sepuluh ringgit. Purata setiap hari akak mendapat wang antara sepuluh ringgit hingga seratus hari bermula dari jam 11.00 pagi hingga 7.00 malam. Akak akan bergerak dari satu lokasi ke satu lokasi di kawasan tumpuan orang ramai orang seperti di Jalan Masjid India, Jalan Tiong Nam (Chow Kit), stesen bas Jalan Pudu, sepanjang Jalan Tunku Abdul Rahman. Ringkas cakap aktiviti mengemis akak, ada orang yang memandang serong dan ada juga yang bersimpati dengan akak.

Temu bual seterusnya bersama Responden Kedua (R2), berumur 44 tahun (Asiah bukan nama sebenar) berasal dari negeri Pantai Timur. R2 mengakui beliau terlibat dalam gejala penagihan dadah sejak berusia 16 tahun. Semasa ditemubual, R2 mesra dipanggil Ass sebagai nama manjanya. Apabila ditanya tentang sejarah liku-liku hidup yang dilalui oleh R2, beliau menceritakan sebagai berikut;

Semasa Ass tinggal bersama ibu dan bapa Ass, mereka sangat sayang kepada Ass. Semua keperluan Ass yang diminta akan dipenuhi oleh mak Ass. Ketika bersekolah menengah, rumah Ass dekat dengan sekolah. Ass pergi ke sekolah berjalan kaki. Ketika berada di tingkatan empat, minat Ass terhadap pelajaran mula berkurangan. Berminat untuk bekerja mencari duit sendiri. Ketika itu Ass bersama dua orang kawan tidak berminat dalam pembelajaran terutama subjek sejarah dan matematik. Kami bercita-cita untuk mencari kerja bagi mendapatkan duit. Ass bersama kawan sering ponteng kelas dan mula berjinak dengan rokok. Ass selalu berbohong dengan mak kerana selalu keluar rumah dan balik lewat malam. Ketika abah Ass tahu yang Ass sering ponteng sekolah dan merokok, abah menghalau Ass keluar dari rumah. Sejak dari itu hidup Ass menjadi gelap dan Ass rasa tiada hala tuju. Dalam mencari matlamat hidup, Ass berkenalan dengan seorang pemandu bas ekspres Pantai Timur ke Kuala Lumpur. Suatu malam dengan senyap-senyap, Ass lari meninggalkan rumah menuju ke Kuala Lumpur dengan menumpang bas ekspres. Tujuan Ass ke Kuala Lumpur ialah untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Namun impian tersebut sebaliknya. Ass berkawan dengan sekumpulan penagih dadah dan hidup Ass kini sebagai gelandangan dan penagih tegar. Hingga kini hidup Ass terumbang ambing tanpa hala tuju. Ass ingin kembali ke jalan asal tetapi tidak tahu bagaimana mengubah nasib ini.

Temu bual seterusnya bersama Responden Ketiga (R3) berumur 49 tahun dikenali sebagai Kak Jane (bukan nama sebenar) berasal dari Pulau Pinang. Berdasarkan pengakuan R3 mengatakan beliau terlibat dalam gejala tidak bermoral iaitu pekerja seks sejak tahun 1996 di sekitar Jalan Imbi, Jalan Chaw Kit dan Jalan Ipoh Kechil. R3 adalah seorang yang peramah. Hal ini memudahkan penemubual mendapatkan maklumat darinya. Ketika ditanya tentang bagaimana R3 terlibat dengan gejala tidak bermoral ini, beliau menjelaskan sebagai berikut;

Kak Jane tahu kerja sebagai seks workers ini dipandang keji oleh masyarakat. Tetapi masyarakat tidak tahu keadaan hidup Kak Jane. Masyarakat hanya tahu memandang serong kerja macam akak ini. Kak Jane perlukan duit untuk menyara hidup akak di Kuala Lumpur ini. Sebagai wanita macam akak yang kurang berpendidikan ini, untuk mendapatkan pekerjaan sangat susah. Kak ambil cara mudah untuk mendapatkan duit kerana peluang untuk mendapatkan wang sangat

mudah iaitu dengan melacurkan diri. Pertama sekali kak cuba berdampingan dengan pelancong asing yang datang melawat Malaysia. Kerja ini kak lakukan khususnya pada malam minggu. Masa itu, bentuk tubuh badan kak masih cantik kerana masih muda. Ada juga pekerjaan ini ditawarkan kepada orang luar melalui agen-agen yang telah dikenalpasti. Punca kak terlibat dengan aktiviti ini ialah kerana kak mau hidup mewah dengan wang ringgit, memakai pakaian yang berjenama, memiliki koleksi bag tangan mewah dan membeli alat solek yang mahal. Masa muda dahulu kak suka enjoy bersama kawan-kawan. Ketika dalam usia 23 hingga 35 tahun kak suka pergi ke kelab malam di sekitar Kuala Lumpur untuk berhibur bersama kawan-kawan. Melalui aktiviti kelab malam, kak mencari duit sebagai pekerja seks kepada semua bangsa dan tidak kira mengenal status. Ini kerana pekerjaan tersebut adalah ‘mudah’ tanpa memerlukan modal atau pendidikan yang sesuai. Berkaitan dengan pengetahuan ibubapa terhadap pekerjaan, memang mereka tidak mengetahui pekerjaan kak yang sebenar. Mereka juga tidak pernah mengambil tahu tentang diri kak masa kini.

5.1 Perbincangan Dapatan Kajian

Jika diteliti secara mendalam terhadap tiga orang responden di atas, pengkaji dapat mengkategorikan wanita terlibat dalam aktiviti tidak bermoral kepada tiga aspek pengemis, penagihan dadah dan pekerja seks. Bagi memudahkan pembacaan, pengkaji akan membincangkan punca aktiviti tidak bermorak berdasarkan sub topik seperti berikut;

Pengemis (R1)

Walaupun responden 1 pernah melalui pengalaman pahit manis bersama beberapa orang kawan ditangkap, disoal siasat, dijatuhan hukuman dan seterusnya dihantar ke Pusat Desa Bina Diri atas perintah mahkamah dibawah Akta Orang Papa 1977 (Akta 183), namun responden 1 tidak mampu mengubah nasib ke arah yang lebih baik. Punca R1 melakukan aktiviti mengemis ialah tiada sumber pendapatan tetap bagi membiayai keperluan sara hidup yang tinggi. Sebagaimana yang diketahui umum, Bandaraya Kuala Lumpur adalah antara bandaraya yang memiliki kos sara hidup yang tinggi selain daripada bandaraya Johor Bahru dan Bandaraya George Town, Pulau Pinang (Muhammad Wafi Ramli, 2017). Apabila ditanya tentang masa depan, responden 1 menjelaskan tiada pekerjaan yang dapat dilakukan selain mengemis kerana faktor umur, faktor tiada kelulusan dalam pelajaran menyebabkan sukar diterima bekerja oleh majikan. Selain itu R1 tiada kemahiran serta modal bagi berniaga kecil-kecilan mencari sumber rezeki yang halal.

Berdasarkan penjelasan responden pertama (R1) dapat difahamkan bahawa punca R1 mengemis ialah tiada pekerjaan sebagai sumber pendapatan disamping tiada sokongan moral daripada ahli keluarga. Muhammad Wafi Ramli (2017) menjelaskan tiada pekerjaan merupakan faktor penting yang perlu ditangani bagi mengurangkan jumlah mereka yang mengemis. Steen et al. (2012) menyatakan mereka yang tiada pekerjaan menyumbang kepada gejala gelandangan di mana mereka menghadapi banyak halangan dalam memperoleh pekerjaan terutamanya pekerjaan yang membayar upah hidup dan tidak bersifat sementara. Tanpa pekerjaan dan sumber pendapatan, menyebabkan masalah untuk menyewa rumah khususnya di kawasan bandaraya Kuala Lumpur yang terkenal sebagai bandaraya yang kos sara hidupnya tinggi. Masalah mengemis kebiasaannya wujud disebabkan oleh pelbagai faktor seperti masalah ekonomi, masalah psikologi, isu dengan keluarga serta kegagalan mencari pekerjaan apabila berhijrah ke bandar (Sinar Harian, 18 November 2015). Menurut Wong (2014) dan Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah (2017), istilah mengemis adalah suatu aktiviti yang mempunyai kaitan dengan istilah gelandangan. Gelandangan merupakan suatu istilah yang tidak asing lagi disebut dalam masyarakat seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Jika dilihat pada kacamata masyarakat Melayu, orang gelandangan adalah orang yang menyembunyikan asal usul mereka kerana tidak mahu dikenali ramai. Jika dirujuk kepada statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tahun 2017, rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti gelandangan berjumlah 1610 orang berbanding bukan warganegara sebanyak 668 orang. Di sini jelas menunjukkan bahawa saban tahun jumlah mereka yang terlibat dalam aktiviti tidak bermoral yang semakin bertambah, (Rafiza, 2017).

Menurut Akta Pembantuan Gelandangan 1987, gelandangan adalah mencakupi sekumpulan orang atau individu yang tidak memiliki rumah atau kediaman yang sesuai dan selamat untuk didiami khususnya waktu malam untuk tidur. Mereka yang tinggal secara sementara di tempat perlindungan yang diurusstadbir oleh pihak Ngo atau kerajaan adalah termasuk dalam kategori gelandangan yang diberi perlindungan. Rafiza Mohamed, (2015) menyatakan punca utama wanita terlibat dalam aktiviti mengemis adalah disebabkan oleh ketiadaan pekerjaan sebanyak 46.6% atau 646 orang. Hasil kajian ini juga disokong Jabatan Kebajikan Masyarakat (2010) kerana data berkaitan mengemis adalah hampir sama dengan data kajian Syazwani Drani (2016). Biasanya orang yang mengemis disebabkan oleh tiada pekerjaan sebagai sumber pendapatan menyebabkan tiada wang untuk membeli makanan dan barang keperluan harian. Apatah lagi mereka memerlukan duit untuk menyara ahli keluarga mereka, membeli rumah dan lain-lain keperluan asas. Keadaan ini merupakan punca utama wanita terpinggir di Kuala Lumpur terlibat dengan aktiviti mengemis, gelandangan, kutu rayau dan pekerja seks bagi mendapatkan sumber wang.

Menurut Azzayati (2013), kesan daripada itu menyebabkan kehidupan yang dilalui penuh dengan kekacauan fikiran yang tidak menentu. Lebih teruk lagi berkaitan ikatan kekeluargaan dan kasih sayang serta pemerhatian kepada anak-anak semakin pudar. Rafiza Mohamed (2015) menjelaskan mereka yang menjalani kehidupan sehari-hari di Anjung Singgah Kuala Lumpur adalah terdiri daripada keluarga yang tidak harmoni, tiada perasaan kasihan belas dan mengutamakan kepentingan diri. Sementara itu Rahman (2012) mengatakan seorang yang tiada pekerjaan disifatkan sebagai miskin tidak mampu memenuhi keperluan gaya hidup yang selesa dalam kehidupan bermasyarakat termasuk memiliki rumah sebagai tempat berlindung. Berdasarkan panduan Kualiti Hidup Malaysia (2011) dalam Norazlina Abd Wahab & Abd Rahim Abdul Rahman (2012) menjelaskan kemiskinan rasmi ditakrifkan sebagai seseorang yang berpendapatan tidak cukup untuk membeli barang asas dan menyediakan perkhidmatan minimum yang mampu dilakukan. Adapun barang asas yang diperlukan oleh seorang untuk kelangsungan kehidupan asas antaranya ialah makanan asasi seperti beras, minyak, gula, tepung dan sebagainya. Keperluan pakaian yang mencukupi, kasut, peralatan kebersihan diri, pengangkutan, kemudahan asas pendidikan, tempat tinggal dan sebagainya. Disamping keperluan fizikal yang sememangnya kurang mencukupi, daya tahan kekuatan secara dalam individu diperlukan dalam menghadapi keperluan hidup semasa (Muhammad Ibrahim, 2010).

Pihak Kerajaan menyediakan bantuan kewangan kepada orang miskin yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri. Akan tetapi beberapa syarat yang ditetapkan seperti alamat tetap surat menyurat, Borang Penyata Pendapatan Gaji atau Surat

Pengesahan Pendapatan dari Majikan/ Surat Akuan Pendapatan (Jika Bekerja Sendiri), Salinan Bil Utiliti (Air/ Elektrik/ Telefon/ Astro) dan Salinan Sijil Perkahwinan/ Perceraian sukar untuk dilengkapkan menyebabkan responden tidak berminat memohon bantuan kewangan tersebut. (Temubual R1). Lihat juga syarat-syarat permohonan bantuan kewangan dalam portal rasmi www.jkm.gov.my. Penagihan Dadah Berdasarkan penjelasan R2, dapat dirumuskan bahawa wanita yang terlibat dalam aktiviti tidak bermoral iaitu penagihan dadah adalah berpunca daripada tiada sokongan padu serta kasih sayang daripada ibu bapa termasuk ahli keluarga terdekat. Pandangan ini disokong oleh Fauziah Ibrahim (2014), bahawa sokongan dari keluarga secara berterusan hendaklah diberikan secara konsisten kepada ahli keluarga penagih dadah bermula dari rawatan awal, rawatan pertengahan dan rawatan susulan yang mungkin mengambil masa lebih dari setahun. Tidak dinafikan terdapat juga sebahagian keluarga kurang memberi sokongan moral dari keluarga yang agak terhadap wanita yang terlibat dengan aktiviti penagihan dadah menyebabkan sukar untuk dipulihkan dalam tempoh setahun. Ini kerana penagih akan pulih secara normal dalam tempoh dua belas bulan (Fauziah & kawan-kawan, 2011).

Dalam konteks ibu bapa memberi kasih sayang, Limebury & Shea, (2015), menjelaskan kasih sayang amat penting dalam membina hubungan positif di kalangan wanita penagih dadah yang terpinggir tersebut. Mereka juga mempunyai perasaan untuk dikasihi, disayangi, dihormati, dipercayai, diberi sokongan emosi dan sosial bagi memulakan kehidupan baharu yang bebas dari ketagihan dadah. Jika dilihat kepada Responden Kedua (R2), seperti yang dinyatakan oleh Fauziah Ibrahim (2014), statistik pada bulan Januari- November 2012 menunjukkan kes penagihan dadah melibatkan kaum wanita di Kuala Lumpur adalah sebanyak 19 kes. Terdapat satu kajian menjelaskan golongan wanita dikesan terlibat dalam pengambilan dadah untuk kali pertama berusia 15 tahun hingga 22 tahun mencatatkan 39.5 peratus. Mereka ditangkap oleh pihak berkuasa untuk menjalani proses kaunseling dan pemulihan yang mengambil masa selama tiga tahun. Fakta ini disokong oleh Wilson bahawa punca wanita terlibat dengan aktiviti pengambilan dadah bukan sahaja telah memberi kesan negatif kepada diri sendiri tetapi melibatkan masalah sosial seperti keruntuhan moral, gelandangan, pelacuran dan kehancuran rumah tangga (Wilson & Kelling, 1982). Ini menunjukkan bahawa punca seseorang itu terlibat dengan pengambilan dadah terlarang sebahagian besarnya adalah daripada didikan dan pengawasan ibubapa semasa kanak-kanak berada di rumah.

Menurut Abdul Munir (2014), didikan dengan penuh kasih sayang daripada ibu bapa secara berterusan perlu diamalkan kepada anak-anak mereka sejak anak masih kecil. Pada peringkat kanak-kanak masih kecil proses perkembangan dan pembentukan keperibadian akan mencorak kehidupan seseorang pada masa hadapan. Dalam konteks wanita terpinggir, ibu bapa tidak sepatutnya menghalau keluar anaknya dari rumah yang sering ponteng sekolah dan terlibat dengan merokok. Sebaliknya memberi kasih sayang sepenuhnya agar anak merasai mereka sangat disayangi oleh keluarga. Di samping itu, Ismail Zain (2001), menjelaskan para ibubapa dan penjaga hendaklah berusaha memberi kasih sayang bentuk fizikal seperti menyediakan rumah yang sesuai, selamat dan selesa. Pada waktu yang sama ibubapa hendaklah sedaya upaya menerapkan pendidikan Islam yang dapat melahirkan anak-anak yang soleh. Dengan demikian, berlaku proses pembentukan jiwa anak-anak meningkat dewasa mereka patuh kepada ajaran Islam.

Penagihan Dadah (R2)

Berdasarkan penjelasan responden kedua (R2) dapat dirumuskan bahawa wanita yang terlibat dalam gejala tidak bermoral iaitu penagihan dadah adalah berpunca daripada tiada sokongan padu serta kasih sayang daripada ibu bapa termasuk ahli keluarga terdekat. Pandangan ini disokong oleh Fauziah Ibrahim (2014), bahawa sokongan keluarga secara berterusan amat diperlukan oleh pengguna dadah bukan sahaja ketika diperingkat awal proses rawatan dan pemulihan, tetapi sepanjang proses pemulihan dijalankan. Sementara sokongan keluarga yang lemah terhadap wanita yang terlibat dengan aktiviti penagihan dadah menyebabkan sukar untuk dipulihkan dalam tempoh setahun. Ini kerana penagih akan pulih secara normal dalam tempoh dua belas bulan (Fauziah Ibrahim, Mustaffa Omar, Lukman Mohamad, Khadijah Alavi, Norulhuda Sarnon, Salina Nen & Nasrudin Subhi. (2011). Dalam konteks ibu bapa memberi kasih sayang, Limebury & Shea, (2015), menjelaskan kasih sayang amat penting dalam membina hubungan positif di kalangan wanita penagih dadah yang terpinggir tersebut. Mereka juga mempunyai perasaan untuk dikasihi, disayangi, dihormati, dipercayai, diberi sokongan emosi dan sosial bagi memulakan kehidupan baharu yang bebas dari ketagihan dadah.

Jika dilihat kepada responden kedua (R2), seperti yang dinyatakan oleh Fauziah Ibrahim (2014), statistik pada bulan Januari-November 2012 menunjukkan kes penagihan dadah melibatkan kaum wanita di Kuala Lumpur adalah sebanyak 19 kes. Kajian mendapati sebanyak 39.5 peratus wanita mula terjebak dengan aktiviti penyalahgunaan dadah ketika berumur 15 hingga 20 tahun, kali pertama (79 peratus) ditangkap dan ditahan untuk menjalani proses pemulihan. Fakta ini disokong oleh Wilson bahawa punca wanita terlibat dengan aktiviti pengambilan dadah bukan sahaja telah memberi kesan negatif kepada diri sendiri tetapi melibatkan masalah sosial seperti keruntuhan moral, gelandangan, pelacuran dan kehancuran rumah tangga (Wilson & Kelling, 1982). Ini menunjukkan bahawa punca seseorang itu terlibat dengan pengambilan dadah terlarang sebahagian besarnya adalah daripada didikan dan pengawasan ibubapa semasa kanak-kanak berada di rumah.

Menurut Abdul Munir (2014), didikan dengan penuh kasih sayang daripada ibu bapa secara berterusan perlu diamalkan kepada anak-anak mereka sejak anak masih kecil. Pada peringkat kanak-kanak masih kecil proses perkembangan dan pembentukan keperibadian akan mencorak kehidupan seseorang pada masa hadapan. Dalam konteks wanita terpinggir, ibu bapa tidak sepatutnya menghalau keluar anaknya dari rumah yang sering ponteng sekolah dan terlibat dengan merokok. Sebaliknya memberi kasih sayang sepenuhnya agar anak merasai mereka sangat disayangi oleh keluarga. Di samping itu, Ismail Zain (2001), menjelaskan ibu bapa perlu menyediakan kemudahan tempat tinggal yang sesuai dan selesa, berusaha membentuk suasana yang harmoni dan mempunyai ciri-ciri keislaman dalam kehidupan berumahtangga agar apabila anak meningkat dewasa mereka patuh kepada ajaran Islam.

Pekerja Seks (R3)

Berdasarkan penjelasan responden ketiga (R3) dapat dirumuskan bahawa wanita terlibat dalam gejala tidak bermoral sebagai pekerja seks adalah berpunca daripada keinginan hidup mewah, suka berfoya-foya tanpa memikirkan matlamat hidup seperti mana yang dinyatakan dalam al-Quran (Adz-Dzaariyat 51:56) yang bermaksud ;

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”

Berdasarkan maksud ayat di atas, dapat difahamkan bahawa tujuan manusia dihidupkan di atas muka bumi ini ialah bukan untuk bersukaria tetapi untuk menyembah Allah semata-mata. Oleh itu, umat manusia hendaklah menggunakan akal fikiran yang sempurna untuk berfikir tentang kesan buruk ke atas diri sendiri jika mengutamakan hidup berfoya-foya yang tiada arah matlamat. Gaya hidup bersosial secara bebas menyebabkan seseorang itu mudah tergelincir ke laluan negatif. Dalam konteks R3, umat Islam khususnya sahabat handai dan keluarga terdekat perlu mendekati R3 secara peribadi dengan mengajak beliau kembali ke pangkal jalan iaitu meninggalkan pekerjaan tersebut serta berhijrah ke tempat lain. (Ahmad Muhammad, 2008). Amalan tidak bermoral ini dilakukan tanpa diketahui keluarga kerana ibubapa tidak mahu mengambil tahu tentang anak-anaknya. Haryati Hasan (2015) menjelaskan wanita yang terlibat dalam pelacuran lazimnya terdiri daripada mereka yang pernah berkahwin atau belum, mereka mendapat pendidikan yang tidak sempurna, jahil dalam bidang agama, kemiskinan, keinginan untuk bersuami lagi dan adanya unsur penipuan. Dalam hal ini, responden 3 adalah dilihat memiliki elemen kurang pendidikan agama. Didikan agama sangat berperanan bagi membimbing umat manusia ke jalan lurus dan benar. Tidak ada jalan mudah mengatasi gejala ini melainkan berusaha mengajak mereka yang menyimpang supaya kembali ke jalan agama Islam.

5.2 Cadangan Penyelesaian Panduan Hidup Wanita Sejahtera

Jika dirujuk dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009 menggariskan bagi tujuan mencapai Malaysia negara maju, rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan bangsa hendaklah dapat menikmati arus pembangunan dengan adil dan saksama. Antara perkara penting yang dinyatakan ialah menggalakkan kaum wanita terlibat dalam sektor perkhidmatan guna tenaga dengan lebih aktif dan progresif. Mengukuh dan mengekalkan kedudukan wanita dalam pekerjaan. Menggalakkan wanita kembali ke dalam pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan masing-masing. Memberi ruang, waktu dan tempat yang lebih luas kepada kaum wanita bagi menyumbang tenaga dan fikiran mereka di tempat kerja. Meningkatkan bilangan tokoh-tokoh peniaga dan usahawan wanita muda yang berjaya dengan memperkenalkan intensif bentuk anugerah dan dana. Aspek keselamatan hendaklah diberi keutamaan kepada kaum wanita kerana mereka terdedah dengan ancaman bahaya ketika pergi dan balik ke tempat kerja. Aspek kesihatan dan penjagaan anak-anak pekerja wanita perlu disediakan oleh pihak majikan agar pekerja wanita merasa aman tanpa memikirkan keselamatan anak di tempat kerja. Wanita yang berjaya dalam pelbagai sektor yang diceburi sewajarnya diberi pengiktirafan. Bagi mencapai matlamat tersebut, kaum wanita diberi latihan dan kemahiran yang sesuai dengan tahap umur, tahap pengetahuan dan minat seseorang. Dengan demikian, wanita mampu berdaya saing dalam menghadapi cabaran yang kian mencabar. Oleh kerana itu, wanita yang terpinggir dari arus perdana perlu disediakan panduan hidup yang mudah dipraktikkan. Berdasarkan kes R1 di atas, mengemis di jalanan dianggap sebagai mereka yang tidak bernesib baik serta serba kekurangan (Phelan et al., 1997).

Dalam hal ini adalah dicadangkan bahawa Pusat transit sementara hendaklah dibina oleh Kerajaan Tempatan bagi menempatkan golongan ini mendapat makanan, rawatan, tempat bertedoh yang sesuai. Pusat ini dilengkapi dengan tempat tidur, ruang solat lelaki dan wanita yang boleh memuatkan 40 orang sesuatu waktu solat, tempat makan, balik mandi dan tandas. Mereka adalah golongan asnaf yang berhak mendapat pemberian zakat, (Muhammad Ammar, 2017). Penulis berpendapat terdapat mereka yang berhak mendapat sumbangan am bagi menampung perbelanjaan makan minum, tempat tinggal, rawatan perubatan dan lain-lain keperluan asas. Sesuai dengan satu firman Allah SWT surah al-Tawbah, ayat 60 yang bermaksud : Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba yang hendak memerdekaan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang kehabisan bekalan) dalam perjalanan.

Berdasarkan maksud ayat 60 surah al-Tawbah di atas dapat difahamkan bahawa golongan mengemis, gelandangan, kutu rayau adalah termasuk dalam asnaf kategori fakir miskin yang berhak menerima zakat. Oleh yang demikian, golongan yang ditimpah kesusahan tersebut perlu didekati oleh pihak pemberi zakat dan memudahkan urusan agihan zakat. Urusan yang melibatkan karenah dan birokrasi dalam agihan pentadbiran hendaklah dipermudahkan supaya golongan pengemis mendapat bantuan zakat. Mazanah, (1999) menjelaskan bantuan zakat tersebut boleh diagihkan dalam bentuk pembinaan rumah yang diuruskan sendiri oleh pihak zakat. Juga agihan zakat disalurkan secara bayaran bulanan bagi mengurangkan bebanan belanja harian. Menurut Mazanah lagi, wanita ketiadaan suami kerana kematian atau bercerai dan tinggal bersama anak-anak hendaklah diberi bantuan oleh kerajaan. Demikian juga waris-waris kepada wanita tersebut yang tidak memberi nafkah makan minum, tempat tinggal, menyediakan rawatan jika sakit dibantu oleh pihak berwajib. Berdasarkan kes R2 berkaitan penagihan dadah terlarang, amalan kerohanian melalui pemulihan agama merupakan terapi penting untuk menjauhkan R2 daripada mendekati aktiviti penyalahgunaan dadah. Panduan ini selaras dengan cadangan hasil kajian oleh Buerah Tuggak (2013), Nur Afzan Mohamad (2012), Kamaruddin Hussin (2008) dan Hussin Junoh (2003). Berdasarkan kes R3 dilihat tidak mempunyai pengisian rohani yang kuat dalam jiwa menyebabkan responden terpengaruh dengan kebendaan. Golongan ini perlu didekati dengan mengajak mereka memahami tentang asas hukum-hakam, pahala, dosa kepada responden agar dapat difahami dengan lebih mendalam dan dipraktikan dalam kehidupan sehari-hari. Kenyataan ini selaras dengan kajian Hushim Salleh, (2006) yang mengatakan kaunseling Islam adalah yang terbaik dalam menangani mereka yang terlibat dalam pekerjaan seks sebagai sumber pendapatan.

Menurut Rafiza (2017), kaedah mengambil tahu secara serius dan mendekati serta menyantuni dengan perasaan kasih sayang terhadap golongan wanita terlibat gejala tidak bermoral di Kuala Lumpur adalah sangat sesuai dipraktikkan kerana amalan tersebut adalah suatu tuntutan murni dalam ajaran Islam. Islam sangat menyukai orang yang sihat sejahtera menolong orang lain yang sedang dalam kesusahan dengan hati tulus suci. Amalan menolong orang yang berada dalam kesempitan hidup, menghadapi masalah keluarga, orang tiada kewangan adalah tugas mulia yang perlu diberikan oleh sesiapa tanpa adanya unsur paksaan. Mereka yang terlibat dalam aktiviti tidak bermoral sangat mengharapkan bantuan masyarakat awam. Pelaksanaan dan penerapan nilai kasih sayang kepada wanita terlibat gejala tidak bermoral serta golongan yang tidak bernesib baik dalam kehidupan hidup mereka sewajarnya diberi perhatian khusus oleh pihak berwajib. Dalam konteks Islam, dikenali sebagai melakukan hubungan ihsan sesama manusia (*hablu minannas*). Selaras dengan satu firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 112 bermaksud : Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia yang melakukan perbuatan yang mendatangkan kemurkaan

Allah. Oleh yang demikian dan sudah selayaknya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintahNya), dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan sentiasa melanggar (hukum-hukum Allah).

Berdasarkan maksud ayat di atas, dapat difahamkan bahawa umat manusia hendaklah saling mengadakan hubungan interaksi antara satu dengan lain walau dimana mereka berada. Jika seorang itu tiada melakukan hubungan dengan Allah SWT (ibadah) sebagai Tuhan Pencipta Alam yang menguasai seluruh makluk dan tiada berinteraksi dengan sesama manusia, maka pasti mereka ditimpak kehinaan, urusan kehidupan dunia menjadi hina. Oleh yang demikian, urusan harian manusia saling berkait antara satu dengan lain. Agama berperanan sebagai pemudah cara kepada golongan wanita terpinggir. Manakala bagi wanita terlibat dalam aktiviti tidak bermoral hendaklah bersedia mengubah nasib mereka dengan mendekati pihak yang membantu mereka bagi mengubah sosioekonomi ke arah yang lebih baik. Kembali kepada perintah agama Islam adalah jalan penyelesaian terbaik kepada seluruh umat manusia.

■6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa ekologi manusia berkembang berdasarkan wujudnya sebuah keluarga yang sejahtera atau dikenali sebagai rumah tangga bahagia. Ibubapa perlu bertanggungjawab membina keluarga bahagia. Lebih-lebih lagi perhatian dan kasih sayang perlu diberikan kepada anak perempuan agar mereka membesar dalam pengawasan ibubapa memberi kasih sayang. Jika mereka tergelincir dari landasan hidup, mereka perlu diberi bimbingan yang sewajar. Punca berlaku gejala tidak bermoral antaranya ialah wanita kurang mendapat sentuhan kasih sayang daripada ibu bapa atau suami, masalah kemiskinan, masalah rumah tangga (perceraian) dan masalah disiplin semasa di sekolah. Cadangan penyelesaian terhadap masalah antaranya ialah mendekati golongan wanita terlibat dengan hikmah lagi bijaksana, menyediakan tempat tinggal sementara, membawa mereka mendalam ke kelas pengajian agama dan membantu sumber kewangan secara latihan kemahiran yang sesuai dengan keupayaan mereka. Kaedah memberi nasihat dan bimbingan agama kepada golongan wanita terlibat gejala tidak bermoral dilihat mampu memberi semangat baharu kepada mereka supaya tidak merasai sikap rendah diri yang berterusan. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan bagi mengubah sikap dan tabiat buruk mereka menuju jalan kebenaran. Kaum wanita yang terpinggir perlu dipertingkatkan keupayaan mereka dalam sektor ekonomi, sosial dan politik bagi memastikan wanita menikmati kehidupan yang berkualiti dan sejahtera.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada pembiaya geran kajian ini iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pembiayaan Geran Penyelidikan Khas (Fundamental 2017) no. Geran 2017-0176-106-01, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. Cetakan 12.
- Abd. Ghani Ahmad. (2016). *Kewajipan Menanggung Nafkah Anak Tak Sah Taraf: Satu Kajian Kes Di Negeri Kedah*. Sintok, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, 2(4), 105–119.
- Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh & Misnan Jemali. (2014). Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Jurnal Perspektif*, 8(2), 1–10.
- Ahmad Muhammad Abdul Ghaffar. (2008). *Panduan Bergaul dan Memilih Teman*. Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Alhabshi, S. M. & Manan, A. K.A., (2012). Homelessness in Kuala Lumpur:A Case of Agenda Denial”, *International Journal of Social Science Tomorrow* Vol. 1, No. 2, 15–25.
- Azrina Abdullah. (2010). Tema dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial pada Dekad Pertama Abad 21 (Themes and Issues in Research on Social Problems in the First Decade of the 21st Century in Malaysia). *Jurnal Akademika*, 14(78), 3–14. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azzyati Mohd Nazim, Fariza Md Sham & Salasiah Hanin Hamjah. (2013). *Ciri-ciri Remaja Berisiko*: Kajian Literatur. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bubolz, M. M., & Sontag, M. S. (1993). *Human Ecology Theory*. New York: Plenum Press, 68–69.
- Buerah Tunggak, Shahrin Hashim, Nur Afzan Mohamad & Maznah Ali (2015). Faktor Risiko Belia Terlibat Dalam Penyalahgunaan Dadah dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Belia Muslim Terpimpin, *Jurnal Anti Dadah Malaysia*, 9(1), 5–19. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- Collins SR, Kemmeren P, Zhao XC, Greenblatt JF, Spencer F, Holstege FC, Weissman JS, Krogan NJ, Mol Cell Proteomics. (2007). *Toward A Comprehensive Atlas Of The Physical Interactome Of Saccharomyces Cerevisiae*. US National Library of Medicine National Institutes of Health, 191–215.
- Chamhuri Siwar. (2001). *Pembangunan Mampan: Strategi "Menang-menang untuk Pembasmyan Kemiskinan dan Pemuliharaan Alam Sekitar*, Bangi, UKM, Edisi Pertama.
- Chamhuri Siwar. (2001). Prosiding Seminar Isu-isu Pembangunan Mampan Shah Alam, Majlis Bandaraya Shah Alam, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, UKM dan JPBD Selangor, Isu dan Masalah Setinggan di Shah Alam.
- Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Salina Nen, Norulhuda Sarion, Nor Jana Saim. (2014). Pengguna Dadah Wanita di Malaysia: Pengalaman Penagihan dan Hubungan Kekeluargaan, *Jurnal Teknologi Sains Sosial*, 67(1), 17–25, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Fauziah Ibrahim, Mustaffa Omar, Lukman Mohamad, Khadijah Alavi, Norulhuda Sarion, Salina Nen & Nasrudin Subhi. (2011). Employment Archives of Psychiatry and Clinical Neuroscience, 25(4): 172–181. doi:10.1007/s00406-004-0465-6.
- Haryati Hasan, (2015). *Faktor Berlakunya Pelacuran Berdasarkan Laporan Maik*, Jurnal Sipatahoenan: South-East Asian Journal for Youth, Sports & Health Education, 1(2) October 2015.
- Hj Hushim b Salleh, Che Ruzana Bt. Che Din dan Rosni Bt. Kadir. (2006). *Pendidikan Seksual dalam Menangani Permasalahan Seksual Mahasiswa di IPT: Satu Tinjauan Kaunseling*. Kuala Lumpur, Jabatan Pedagogi Dan Psikologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Homelessness in Malaysia: Policy Sheet, (2016). Kuala Lumpur, Internet dilihat pada 15 Feb. 2016 web : empowermalaysia.org/isi/.../homelesspolicy.pdf.
- Hussin bin Junoh. (2003). *Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Kes Felda Kota Tinggi Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Perdana Menteri. (2013). *Laporan Tahunan 2012*, Putrajaya, Program Transformasi Ekonomi (ETP).
- Kamaruddin Hussin. (2008). *Kajian Pengaruh Dadah Dalam Kalangan Pelajar Baru Institusi Pengajian Tinggi*. Jurnal AADK Jld.2, No. 2, Disember 2008. Internet, <https://www.kpwkm.gov.my/.../PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA> dilihat pada 3/4/2018.

- Ismail Zain (2001). *7 Strategi Pemantauan Pembelajaran Untuk Ibu Bapa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2015). Akta Orang Papa 1977 (Akta 183).
- Limebury, J., & Shea, S. (2015). The role of compassion and ‘Tough Love’ in Caring For And Supporting The Homeless: Experiences from ‘Catching Lives’ Canterbury, UK. *Journal of Compassionate Health Care*, 2(1), 2-9.
- Marshall, C., & Rossman. (1999). *Designing Qualitative Research*. 3rd Edition. Thousand Oaks: sage.
- Mashrom Muda, (2015). Wanita dan HIV/AIDS di Malaysia: Punca Jangkitan Dari Aspek Sosio Budaya, *Jurnal GEOGRAFIA Online TM Malaysian Journal of Society and Space*, 11(1), 73 - 86, © 2015, ISSN 2180-2491.
- Mazanan bin Haji Yusuf. (1999). *Bayt al-Mal dalam Perundangan Islam*, Bangi, Tesis Sarjana, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed, R., Awang, J., Long, A.S., & Rahman, Z.A. (2017). Keperluan Gelandangan Terhadap Sistem Sokongan Agama. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(1), 82-92.
- Mohd Sharani Ahmad. (2011). *Kanak-Kanak Jalanan di Sabah*, Kota Kinabalu, Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Muhammad Ibrahim. (2010). *Memahami Konsep Kualiti Hidup*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.
- Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. (2017). Memahami Permasalahan Golongan Terpinggir di Bandar: Kajian Kes Gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Jurnal Geografi* Vol. (5), No. (2), (2017), Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Ammar Harith Idris & Mohd Anuar Ramli. (2017). Golongan Gelandangan Di Malaysia: Antara Perluasan Tafsiran Asnaf *Ibnu Al-Sabil Dan Al-Riqab* dalam Isu-Isu Kontemporari Dalam Zakat, Wakaf Dan Filantropi Islam. Shah Alam, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara.
- Muthalib dan Sudjarno, dkk., (1990). *Gelandangan di Kertasura*, dalam Monografi 3 Lembaga Penelitian Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Nur Afzan Muhamad. (2012). *Pendekatan Zikrullah Dalam Pembangunan Jiwa Pelajar Pusat Penulihan Dadah*. Skudai, UTM.
- Norazlina Abd Wahab & Abd Rahim Abdul Rahman (2012). Efficiency of zakat institution in Malaysia: An application of Data Envelopement Analysis. *Journal of Economic Cooperation and Development*, 33 (21), 95-112.
- Noralina Omar. (2016). *Ekologi Keluarga Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak Miskin Di Malaysia*. Kuala Lumpur, Tesis Phd. Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Nick, Falvo. (2009). *Homelessness, Program Responses, and an Assessment of Toronto's Streets to Homes Program CPRN Research Report*, February 2009. Toronto, Canada: CPRN and SHSC Housing Research Internship and Scholar Program, Carleton University.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*, Tanjung Malim, Edisi Kedua, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Parson, T. (1951). *The social system*. New York: Free press.
- Parsons, Talcott and Robert F. Bales, (1955). *Family, Socialization and Interaction Process*, Glencoe, Illinois, Free Press.
- Phelan, J., Link, B.G., Moore, R.E. & Stueve, A., 1997. "The stigma of homelessness: The impact of the label" homeless" on attitudes toward poor persons." *Social Psychology Quarterly*, Vol. 60, No. 4 (Dec., 1997), pp. 323-337.
- Rancangan Malaysia Kesepuluh. (2010). *Rancangan Malaysia kesepuluh (2011 -2015)*, Kuala Lumpur, Jabatan Pendaftaran Negara.
- Rafiza Mohamed. (2015). *Gelandangan Antara Tret Personaliti dan Religiositi*, Kuala Lumpur. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 4(3) 67–77.
- Rafiza Mohamed. (2013). Tret Personaliti dan Religiositi Gelandangan Musim di Pusat Rujukan Intervensi Anjung Singkah, Kuala Lumpur. *Disertasi Sarjana*, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahman, L. (2012). Poverty reduction through organized public-private-partnership in agricultural action research: Bangladesh perspective. Paper presented at the 3rd International Seminar, Regional Network on Poverty Eradication in Conjunction With UNESCO International Days, Years, Decades, 2012 University of Bengkulu, Indonesia, October 15th – 17th 2012.
- Siti Hajar Abu Bakar & Abd. Hadi Zakaria. (2009). *Perlindungan Kanak-Kanak Berisiko*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sutrisno Hadi. (1973). *Metodologi Research*, Yogyakarta: Andi Offset, 18 – 28.
- Sarwono, SW. (1986). *Pengantar Umum Psikologi*, Jakarta: Bulan Bintang, 1978–1986.
- Sharifah Mariam Alhabshi. (2012). Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A Case of Agenda Denial, *International Journal of Social Science Tomorrow* Vol. 1. No. 2, April, 2012, Kuala Lumpur, University of Malaya, 26, 207–231.
- Steen, A., Mackenzie, D., & McCormack, D. (2012). Homelessness And Unemployment: Understanding The Connection And Breaking The Cycle. *Swinburne Institute for Social Research* (Ed.), Swinburne University, 1(1), 110–120.
- Unit Perancang Ekonomi. (2011). *Kualiti Hidup Malaysia 2011*. Putrajaya, Penerbit Jabatan Perdana Menteri.
- Wan Nor Azriyati Wan Abd Aziz at. all (2011). Pembasian Kemiskinan Bandar ke arah Bandar Inklusif dan Sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying, Construction & Property*, 2(1), 107-124
- Willson, J. Q., & Kelling, G. L. (1982). *Broken Window's. Atlantic Monthly*. Mac 1982: 29–38.
- Wong Kin Yap, Lee Chew Chang, Mohd Saiful Azri Mohd Fouzi, Muhamat Hamzah Eksan, Muhd Farid Ashman Abd Latif. (2014). *Masalah Gelandangan Kuala Lumpur: Satu Tinjauan*. Pengantar Dasar Sosial. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 162–272.
- Syazwani Binti Drani. (2016). *Dinamik Kehidupan Golongan Gelandangan Di Pulau Pinang*, Tesis Phd, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia.
- Zeenath Kausar (2005). *Women in Feminism And Politics : New Directions Towards Islamization*, National Library of Australia, 3(1), 138–142.